

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 1999/2000

Februari 2000

AOP 354 – Perkembangan Organisasi

Masa : [3 jam]

ARAHAN:

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA (2)** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Jawab **EMPAT (4)** soalan. Soalan 1 adalah wajib.

Soalan 1 (Wajib)

Anda telah dijemput oleh pengurusan atasan USM untuk membantu mereka melaksanakan perubahan menyeluruh ke atas organisasi tersebut. Apakah model perubahan terancang yang boleh digunakan dan bagaimanakah akan anda gunakannya?

[25 markah]

Soalan 2

Apakah fasa-fasa dalam mengurus sesuatu program Perkembangan Organisasi? Bincangkan model mengurus perubahan dalam usaha anda membantu sebuah bank menghadapi penggabungannya dengan bank lain.

[25 markah]

Soalan 3

Terdapat empat belas (14) komponen/keluarga intervensi Perkembangan Organisasi yang telah dikenalpasti. Terangkan setiap satu dan berikan contoh situasi di mana anda boleh menggunakan intervensi tersebut.

[25 markah]

...2/-

Soalan 4

Apakah matlamat bina pasukan menurut Berkhart? Banding dan bezakan empat pendekatan utama intervensi bina pasukan dan peranan anda sebagai konsultan bagi setiap satu pendekatan.

[25 markah]

Soalan 5

Terangkan dengan ringkas sembilan (9) intervensi struktural. Pilih satu dan ceritakan bagaimana anda akan melaksanakannya dalam sebuah organisasi yang sedang melalui pengkorporatan.

[25 markah]

Soalan 6

Terdapat banyak isu yang perlu ditangani dalam hubungan konsultan klien. Sebagai seorang konsultan Perkembangan Organisasi, apakah masalah etika yang perlu anda elakkan.

[25 markah]

Soalan 7

Sebagai konsultan anda perlu prihatin terhadap ramifikasi intervensi Perkembangan Organisasi ke atas organisasi klien anda. Bincangkan dengan ringkas tentang beberapa ramifikasi tersebut.

[25 markah]

---ooo000ooo---